



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 28 RABU 20 OKTOBER, 1965 1385 رابو 25 جمادالآخر PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini semasa ketibaan Baginda untuk menyaksikan persembahan perbarisan dan pancharagam oleh Pancharagam Askar Gurkha dan Pancharagam Pulis Diraja Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

BALEK DARI UNITED KINGDOM

BERAKAS. - Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Isteri telah selamat kembali ka-Brunei dari United Kingdom dengan kapal terbang pada tengah hari Ahad yang lalu sa-lepas menghantarkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Isteri telah berangkat ka-sana baru2 ini untuk melanjutkan pelajaran.

Di-antara ramai para hadhirin di-Lapangan Terbang Berakas untuk menyambut Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Isteri ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed, dan beberapa orang pembesar2 negara.

Turut balek ka-Brunei dari United Kingdom pada tengah hari tersebut ia-lah Juruiring kapada Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Muda Mohamed Salleh dan Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

D. Y. M. M. Menyaksikan Pancharagam2 Gurkha dan Pulis Diraja Brunei

BANDAR BRUNEI. - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-temasha persembahan musik dan berbaris oleh Pancharagam 2/6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles dan Pancharagam Pulis

Diraja Brunei.

Temasha tersebut telah di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 16 November, 1965.

Persembahan Pancharagam2 itu ia-lah sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan di-adakan dibawah arahan Pengarah Musik, Pancharagam Pulis Diraja Brunei, Awang Crowhurst.

Di-antara ramai para hadhirin di-temasha itu, ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan pembesar2 negara.

Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas

KILANAS. — Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak akan merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Kilanas pada hari Juma'at 22 Oktober, 1965.

Upacara pembukaan rasmi itu akan di-langsungkan di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas mulai pukul 8-30 pagi.

PERSIDANGAN ABU DI-MULAI ESOK

TOKYO. - Lebih daripada 20 buah negara Asia dan dari Kawasan Pasifik di-jangka akan di-wakili di-Persidangan Kesatuan Penyiaran Sa-Asia ("Asian Broadcasting Union" - renekas-nya A.B.U.).

Persidangan tersebut akan di-adakan di-Tokyo, ibu kota Negeri Jepun, mulai esok sa-lama delapan hari.

Sementara itu, Sir Charles Moses, Setia Usaha Agong, Kesatuan Penyiaran Sa-Asia dan bekas Pengurus Umom, Surohanjaya Penyiaran Australia, berkata bahawa keanggotaan kesatuan tersebut telah bertambah semenjak tahun yang lalu.

Persidangan itu kata beliau, akan memberi peluang kepada pakar2, dalam hal-ehwal penyiaran yang menghadiri persidangan itu untuk mengambil bahagian dalam berbagai2 perbincangan yang akan di-adakan kelak.

Peraduan Bachaan Al-Qura'an Kejohanan Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Perse-diaan2 telah pun di-selenggarakan untuk mengadakan Peraduan Kejohanan Bachaan Al-Qura'an Sa-Negeri Brunei.

Peraduan itu yang di-jangka lebih meriah lagi dari tahun2 yang lalu akan di-adakan pada malam 9 dan 10 Disember, 1965.

Tempat-nya ia-lah di-"lagoon", ia-itu kawasan perayeran Masjid

(Lihat muka 8)

PENERANGAN RASMI MENGENAI "SIARAN WASIAT YANG BENAR"

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei baru2 ini telah menerima sa-puchok surat dari sa-orang Hamba Allah Brunei, untuk meminta penerangan mengenai sa-buah siaran yang bernama "WASIAT YANG BENAR", yang konon-nya di-datangkan dari sa-orang Hamba Allah yang menamakan diri-nya Shaikh Ahmad dari Madinah yang telah bermimpi berjumpa Rasulullah dan menyampaikan pesan2 yang di-wasiatkan oleh Rasulullah di-dalam mimpi-nya itu.

Selanjut-nya siaran itu meminta barang siapa yang menyalin surat itu lalu di-bahagi2kan kepada 30 orang tidak lewat dari 2 minggu, ia akan mendapat tempat di-dalam SHORGA, dan sabalek-nya barang siapa tidak berbuat demikian dia tidak mendapat rahmat daripada Allah.

Penjelasan: —

Sebenar-nya perkara yang tersebut di-atas telah berlaku sebelum perang dunia kedua dahulu, dan siaran "WASIAT YANG BENAR" ini dalam siaran asal-nya di-sebut: —

1. Shaikh Ahmad (yang bermimpi), konon-nya penjaga Makam Nabi di-Madinah.
2. Di-sebut pada tahun sekian2 akan berlaku kejadian2 luar biasa.
3. Di-sebut juga bahawa Hari Kiamat akan berlaku pada tahun sekian.
4. Siapa yang memanjangkan siaran itu konon-nya dapat tempat di-dalam Shorga, dan siapa yang tidak berbuat demikian akan tidak dapat Rahmat Allah.
5. Shaikh Ahmad konon-nya telah menyuruh umat Islam seluruh-nya supaya berbuat seperti berikut:
 - (a) Berdo'a
 - (b) Berzakat
 - (c) Bertaubat
 - (d) Berpuasa
 - (e) Bersembahyang
 - (f) Naik Haji.

Ulasan dan Tindakan: —

NUJUM PAK BELALANG

Kita dapati kebanyakan daripada isi asal "WASIAT YANG BENAR" itu telah tidak di-sebut lagi pada siaran-nya yang akhir2 ini, kerana telah nyata segala telek (nujum Pak Belalang-nya) itu dusta dan tidak betul.

Yang Mulia (Al-Marhum) Tuan Shaikh Abdul Rahim Al-Samannudi Al-Azhari, bekas Guru di-Madrasah Al-Junied Al-Islamiah Singapura, dan bekas Guru Besar Kuliah Al-Loghah Waddin Pekan Pahang (tatkala di-minta pendapat-nya mengenai perkara ini sawaktu beliau berada di-Malaya) telah menyiasat perkara ini dan di-dapati: —

- (a) Bahawa tidak ada penjaga Makam Nabi di-Madinah, orang yang bernama Shaikh Ahmad.
- (b) Kejadian2 luar biasa yang di-katakan berlaku pada tahun sekian2 itu ada-lah dusta, dan tidak ada berlaku.
- (c) Hari Kiamat, tiada siapa pun yang mengetahui bila

akan berlaku-nya melainkan Allah Ta'ala sahaja yang maha mengetahui.

- (d) Sa-saorang itu di-kurniakan pahala dan masuk Shorga kerana Iman dan 'Amalan-nya, bukan-lah kerana hanya menyiarkan siaran2 seperti "WASIAT YANG BENAR" itu. Dan Allah Ta'ala memberi Rahmat-nya kepada sekalian hambanya, dusta-lah kalau ada orang yang mengatakan Allah tidak memberi rahmat-nya kerana tidak menyiarkan "WASIAT YANG BENAR" itu.

- (e) Kita tidak menafikan bahawa Ugama Islam memang menyuruh umat-nya supaya melakukan segala yang di-perintah oleh Allah dan menjauhi segala larangan-nya, bukan menyuruh umat Islam berdo'a tanpa beramal. Dan kalau dalam fasal (e) ini di-angap sebagai Rukun, maka Rukun Islam bukan-lah seperti yang di-sebutkan di-dalam "WASIAT YANG BENAR" itu, tetapi Rukun Islam ia-lah 5 perkara: —

- 1—Menguchap dua kalimah Shahadat
- 2—Mendirikan Sembahyang.
- 3—Menunaikan Zakat
- 4—Berpuasa di-bulan Ramadhan
- 5—Naik Haji bagi mereka yang berkuasa.

Kesimpulan:

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa risalah atau siaran "WASIAT YANG BENAR" itu, bukan-lah sa-benar-nya datang-nya dari Madinah, bahkan ia ada-lah di-adakan oleh sa-sarong atau oleh sa-satu gulongan yang mencari pengaruh atau sanghaja hendak memisongkan keperchayaan sa-sa-orang. Kerana itu Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa tidak perlu surat2 siaran seperti "WASIAT YANG BENAR" itu di-layani oleh orang ramai. —Demikian bunyi Surat Keliling Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, bertarikh 7 Oktober, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Oktober hingga ka-hari Selasa 26 Oktober, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20	12-11	3-29	6-10	7-25	4-33	4-48	6-05	
21	12-11	3-29	6-10	7-25	4-33	4-48	6-05	
22	12-11	3-29	6-10	7-25	4-33	4-48	6-05	
23	12-11	3-29	6-10	7-25	4-33	4-48	6-05	
24	12-11	3-29	6-09	7-24	4-33	4-48	6-05	
25	12-11	3-29	6-09	7-24	4-33	4-48	6-05	
26	12-11	3-29	6-09	7-24	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Peraduan Bachaan Al-Qura'an Peringkat Daerah Brunei

KAMPONG AYER. — Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Qura'an Peringkat Kawasan dan Daerah Brunei akan di-adakan dalam bulan November akan datang.

Peraduan itu akan di-adakan di-bangunan baru Madrasah atau pun di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Demikian telah di-persetujui dalam Mashuarat Jawatan Kuasa peraduan tersebut.

Mashuarat itu telah di-adakan di-Bilek Mahkamah Shara'iah Brunei pada pagi hari Sabtu 16 Oktober, 1965 dan telah di-Pengurusikan oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Majlis telah di-mulai dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Pehin Siraja Khatib.

Di-antara keputusan2 yang telah di-persetujui dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Peraduan Peringkat Kawasan akan di-adakan terlebih dahulu sa-belum di-adakan Peraduan Peringkat Daerah dan di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu:

- (i) Brunei I: Dari Kampung Bunut hingga ka-Berakas.
- (ii) Brunei II: Dari Kampung Tamoi Ujong hingga ka-Kampung Pemancha Lama.
- (iii) Brunei III: Dari Kg. Burong Pingai hingga ka-Sungai Lampai.

Peraduan Peringkat Kawasan Brunei I akan di-adakan pada 8 November. Peraduan Peringkat Kawasan Brunei II akan di-adakan pada 9 November dan Peraduan Peringkat Kawasan Brunei III akan di-adakan pada 10 November. Semua peraduan tersebut akan di-mulai pada jam 8 pagi.

Tarikh peraduan Peringkat Daerah yang telah di-tetapkan dalam mashuarat tersebut adalah seperti di-bawah ini:

Peserta2 Lelaki Dewasa pada 21 November, manakala peserta2 Perempuan Dewasa

pada 22 November.

Peraduan2 itu akan di-mulai pada jam 8 pagi hingga ka-jam 12 tengah hari dan dari jam 2 petang hingga selesai.

Surat2 yang akan di-bachakan oleh peserta2 Peraduan Peringkat Kawasan ia-lah:

(a) Surat Annahle Ayat 1 hingga 11 atau (b) Surat Luqman Ayat 1 hingga 10.

Surat2 yang akan di-bachakan oleh peserta2 Peraduan Peringkat Daerah ia-lah:

(a) Surat Az-Zumara Ayat 1 hingga 9 atau (b) Surat Al-Hajj Ayat 1 hingga 11.

Pegawai2 peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

Penaong-Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Penasehat-Kadzi Besar Negeri Brunei.

Pengerusi-Abang Razali bin Haji Zainuddin. Naib-Pengerusi Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Setia Usaha-Awang Haji Md. Tarif bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed. Setia Usaha I - Awang Abdul Salam bin Abdul Razak. Setia Usaha II - Awangku Badaruddin bin Pengiran Damit.

Ketua Hakim - Awang Haji Khalidi bin Abdul Karim.

Ketua Penyambut dan Juru Hebah - Awangku Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Ketua Kelengkapan dan Perhiasan - Awang Bakar bin Abdul Hai.

Ketua Bahagian Minuman - Awang Salim bin Dato Imam.

Ketua Penerangan - Awang Mohammed Zain Ariff.

Majlis telah bersetuju dengan sabulat suara melantek semua yang hadir dan juga yang tidak hadir menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa.

PILEHAN RAYA M.M.D. BRUNEI

Kawasan Pekan Brunei

- 23 Oktober

BANDAR BRUNEI. — Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei akan di-adakan pada hari Sabtu 23 Oktober, 1965. Chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya tersebut ia-lah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali Mohamed bin Haji Mohamed Daud dan Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar.

Lambang Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali ia-lah "Payong".
Lambang Awang Haji Mohamed ia-lah "Kunchi".

RENGKASAN RIWAYAT HIDUP CHALUN2

PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI ALI telah dilahirkan di-Kampung Ayer, Brunei, 49 tahun dahulu.

TIMBALAN MENTERI BESAR

Hingga ka-tarikh sa-belum mendaftarkan nama untuk bertanding dalam Pilehan Raya tersebut, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali memegang jawatan sa-bagai Timbalan Menteri Besar Brunei.

Dalam satu wawanchara dengan Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali, beliau berkata bahawa Kerajaan Brunei telah membenarkan beliau berchuti selama 45 hari hingga ka-dua haribulan November untuk bertanding dalam Pilehan Raya.

Dalam wawanchara tersebut, beliau berkata:

"Sakira-nya saya menang dalam Pilehan Raya itu, saya akan bersara dari jawatan Kerajaan.

Saya akan berdamping rapat dalam bahagian politik dan akan menubuhkan sa-buah pertubuhan politik yang akan menuntut kemerdekaan kepada negeri ini menurut Perlembagaan negara".

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah mendapat pendidekan di-Sekolah Melayu Pekan Brunei dari tahun 1925 hingga ka-tahun 1930.

Oleh kerana kechenderongannya dalam lapangan perniagaan pada masa itu, beliau telah bekerja sa-bagai sa-orang kerani di-sabua Kedai Sharikat Perusahaan Orang2 Melayu di-Bandar Brunei selama dua tahun sa-lepas tamat belajar di-Sekolah Melayu.

Pada 8 Februari, 1933 beliau telah mulai berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai sa-orang Guru Pelatah di-Sekolah Melayu Pekan Brunei.

Empat tahun kemudian, beliau telah di-pilih untuk melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Beliau telah kembali ka-Tanah Ayer sa-lepas tamat berlatih di-Maktab Perguruan tersebut pada penghujung tahun 1939 dan mulai dari awal tahun 1940 hingga-lah ka-tahun 1960, beliau berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei.

Dalam masa 20 tahun itu, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah memegang berbagai2 jawatan di-Jabatan Pelajaran di-antara-nya ia-lah sa-bagai:

Nadzir Bahagian Makanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei; Guru Pelawat Sekolah2 Melayu bagi Kawasan Tutong dan Bandar Brunei; Guru Besar Sekolah Melayu Kuala Belait, Sengkurong dan Pekan Brunei serta sa-bagai Guru Penolong di-beberapa buah Sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei.

Pada masa Pemerintahan Jepun, beliau telah berkhidmat sa-bagai Guru Pelawat, Sekolah2 Kawasan Timor Brunei, termasuk Kawasan Limbang dan Lawas.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah di-lantek menjadi Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei pada 1 Mei, 1960.

Kemudian pada awal bulan September, 1962 beliau telah di-lantek menjadi Timbalan Menteri Besar Brunei.

Selain daripada menyandang jawatan2 tersebut, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah me-

megang berbagai2 jawatan yang lain, di-antara-nya ia-lah sa-bagai Speaker, Majlis Mashuarat Negeri Brunei; Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dalam tahun 1954; Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei; Ahli Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam; Ahli Jawatan Kuasa Kewangan Negara; Pengerusi Jawatan Kuasa Anggaran Perbelanjaan Negara; Ahli Jawatan Kuasa Surohanjaya Gaji serta beberapa jawatan yang kanan dalam Pergerakan Pengakap dan lain2-nya.

AWANG HAJI MOHAMED BIN HAJI BAKAR kini berumur 32 tahun.

SAUDAGAR

Beliau telah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan mendapat pendidekan di-Sekolah Melayu Pekan Brunei.

Awang Haji Mohamed ia-lah sa-orang saudagar.

Beliau ia-lah sa-orang bekas Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei.

Daftar2 Pembinaan Masjid Baru Kampong Kilanas

KILANAS. — Kaum Muslimin yang telah pun menerima Daftar Pembinaan Masjid Baru, Kampong Kilanas, Brunei, ada-lah di-beritahu bahawa tempoh mengedarkan daftar kerana pembinaan masjid baru tersebut sudah pun chukop masa-nya.

Oleh hal yang demikian di-harap daftar yang telah di-kirirkan kepada yang berkenaan akan dapat di-kembalikan dengan sa-berapa segera yang boleh, sama ada berisi atau pun tidak dan kalau daftar tersebut hilang di-harap akan dapat di-beritahu juga.

Daftar itu hendak-lah di-kembalikan kepada Penyimpan Wang, Awang Ibrahim bin Ali, Kampong Kilanas, Jalan Tutong, Brunei.

Dato Doktor Franks Ka-Colombo

BERAKAS. — Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Dato Doktor P. I. Franks telah berlepas ka-Colombo, Ceylon dengan kapal terbang pada petang hari Ahad 17 Oktober, 1965 untuk menghadiri Persidangan Malaria Sa-Asia kali yang kelima.

Persidangan tersebut di-adakan di-bawah anjoran Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia.

Semasa berada di-Ceylon, Dato Doktor Franks akan juga bertemu-duga dengan beberapa orang yang telah membuat permohonan hendak berkhidmat dengan Jabatan Perubatan, Brunei.

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 22 Oktober, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam —

(a) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Kasat Brunei.

(b) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Telisat, Tutong.

Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Lawatan Rombongan Muhibbah Badan Penerangan Ugama Islam dan Gambus

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis sharahan ugama oleh Rombongan Muhibbah Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan di-adakan di-Sekolah Melayu Kampong Bukit, Daerah Tutong pada jam 1-30 petang hari Sabtu 23 Oktober, 1965.

Majlis tersebut akan di-sertai oleh Kumpulan Gambus.

Rombongan Muhibbah dan Kumpulan Gambus tersebut akan melawat ka-Sekolah Melayu Benutan, Tutong pada jam 1-30 petang hari Ithnin 25 Oktober, 1965.

Awang Freitas Ka-Tokyo

BERAKAS. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang dari Brunei pada tengah hari Isnin 18 Oktober, 1965 dalam perjalanan beliau ka-Tokyo.

Awang Freitas akan menghadiri Persidangan Kesatuan Penyiaran Sa-Asia kali kedua di-Tokyo.

Persidangan tersebut di-mulai esok dan akan mengambil masa selama delapan hari.

BERSUNGGOH2-LAH MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU SA-BAGAI TANDA TA'AT SETIA YANG TULUS IKHLAS KAPADA NEGERI INI

RANCHANGAN LUAR BANDAR PENGHIDUP PENGKALAN BATU



Gambar atas menunjukkan sa-orang pekerja sedang memunggah "batu pasir" untuk penembok jalan raya yang sedang di-bena itu. Menurut pekerja ini, batu tersebut di-datangkan dari Pulau Baru2 yang sengkaja di-datangkan khas untuk mengukuhkan keadaan jalan raya itu yang pada mula-nya berasal dari tanah paya.

TAMADDUN hidup manusia ada-lah membawa perubahan yang besar arti-nya yang bukan hanya di-segi penghidupan sa-hari2 bahkan di-lapangan hidup bermasyarakat dan berkampung.

Peralihan penghidupan sa-tiap manusia baik di-mana2 jua pun, hanya akan dapat di-rasakan sa-sudah menempoh berbagai2 pengalaman pahit maong, suka duka.

Chorak penghidupan kita tidak sa-mesti-nya yang susah akan menderita sepanjang hayat dan yang senang akan gembira sa-umur hidup.

Bagitu juga kita sa-bagai ra'ayat yang hidup di-bawah panji2 pemerintahan yang berdasarkan dari ra'ayat untuk ra'ayat, maka perubahan besar di-segi penghidupan kita sudah barang tentu dapat kita rasakan sekarang ini.

Kebenaran kanyataan ini telah

di-nyatakan oleh sa-orang ketua kampung yang terpenchil dari Bandar Brunei yang merasakan perubahan hidup-nya dan anak2 buah-nya sekarang ini di-sifatkan sa-bagai perubahan yang chepat melonchat ka-alam gembira ria dan girang.

JARANG DI-KUNJONGI

Beliau ia-lah Haji Kamis bin Bungsu yang menjadi penghulu atau ketua bagi lebih dari 300 orang penduduk Kampung Pengkalan Batu yang jarak jauh-nya dari Bandar Brunei kira2 13 batu dengan menggunakan kereta dan melalui sungai memakan masa kira2 satu jam.

Bagi sa-tengah2 penduduk di-negeri ini nama "Kampung Pengkalan Batu" ada-lah asing bagi mereka, kerana kampung ini jarang2 di-kunjongi atau disebut2 orang.

Jalan raya yang menghubungkan Bandar Brunei dengan Kampung itu baru saja di-bena dan hingga hari ini jalan itu maseh lagi dalam proses pembenaan yang merupakan dalam peringkat pertama.

SEKOLAH

Di-Kampung Pengkalan Batu itu, Kerajaan telah mendirikan sa-buah sekolah yang di-kelolakan oleh beberapa orang guru dan di-lengkapi dengan alat2 mengajar mengikut chara moden.

Sabagai penduduk2 yang menganut Agama Islam, mereka tidak juga ketinggalan dalam berbakti dan menurut perintah2 agama dan sa-bagai menandakan semangat beragama yang menebal di-jiwa mereka sa-buah masjid telah mereka dirikan dengan chara bergotong-royong sambil menerima bantuan2 dari orang ramai dan Kerajaan.


Mencheritakan tentang penghidupan penduduk2 kampung itu di-waktu yang silam, Haji Kamis menyatakan bahawa kekolotan dan keperchayaan bersendirian menyebabkan hidup mereka jauh tertinggal kebelakang.

Haji Kamis berkata "Dalam

jarak sa-tahun kami datang ka-bandar bukan-sebabkan perhubungan tetapi keinginan hendak bandar tidak ada".



Sa-bagai menyenangkan hidup di-kampung Pengkalan Batu dengan Bandar Brunei, Di-bawah ranchangan Luar Bandar, yang berat mengenai pendidikan penting bagi penduduk2 di-kampung itu berada di-sekitar-nya. Gambar ini menunjukkan betapa girang-nya mereka dalam penghidupan sa-hari2.




Sumber penghidupan penduduk2 di-kampung tersebut, kebanyakan-nya bergantung kepada hasil2 ternakan, bersawah padi dan berjenis2 tanaman. Dalam gambar ini kelihatan tiga buah "durong" tempat orang2 kampung menyimpan padi yang akan di-tumbuk dan dua ekor kerbau pembajak.



Satu perubahan yang besar yang di-alami oleh penduduk2 di-kampung itu ia-lah di-segi penghidupan sa-hari2. Kalau dulu penghidupan mereka kurang bernasib baik, tetapi kini boleh-lah di-katakan chara hidup mereka sudah jauh berubah dari gelap melangkah ka-cherah. Gambar ini menunjukkan betapa girang-nya mereka dalam penghidupan sa-hari2.

DAR MEMBAWA PERUBAHAN AN PENDUDOK IAN BATU

"Hal ini bukan-lah terbit dari jaras...
...kara2 yang lain, tetapi ada-nya...
...di-sebabkan rasa takut dan...
...akan berlaku-nya sa-suatu...
...kara yang tidak di-ingini sa-



...bongkara penduduk2 Kampung Peng-
...r Brunei raya ada-lah perlu di-bena.
...Bandaraya telah mengambil perhatian
...Benaan raya ini yang bukan hanya
...ti-kampung itu, tetapi juga penduduk2 yang
...ambar menunjukkan proses pembenaan
...a kira-kira kelihatan sedang di-usahakan.



Satu Pemandangan Masjid Kampung Pengkalan Batu. Masjid ini di-
...na dengan sa-chara bergotong-royong oleh penduduk2 di-sana sa-bagai
...na lambang chintakan pada Agama Islam yang maha suci, ia-itu
...agamarasmi Negeri Brunei.

perti kachau bilau dan lain2 lagi".

Haji Kamis menjelaskan lagi, perasaan saperti ini hingga se-
karang maseh lagi terdapat di-
kalangan orang2 tua di-kampung-
nya.

Pernah satu hari, kata-nya, sa-
orang tua yang di-bawa-nya ka-
bandar untuk berjumpa doktor
bagi memenohi sharat2 untuk
mendapatkan pinchen tua dari
Kerajaan, telah ketakutan apa-
bila mendengar bunyi kereta yang
lalu lalang di-jalan raya menuju
ka-rumah sakit.

PERKARA BIASA

"Tetapi, kata Haji Kamis, se-
karang ini pulang balek antara
Kampung Pengkalan Batu de-
ngan Bandar Brunei sudah men-
jadi satu perkara biasa dan tidak
mendatangkan keanehan.

Anak2 muda dari kampung
itu, menurut-nya, masa ini sudah
berani menempoh perubahan
zaman dan mereka tidak mahu
lagi kekolotan itu tetap bertakhta
di-satiap pelusok kampung ter-
sebut.

Anak2 muda itu ada yang an-
tara-nya telah pindah ka-bandar
untuk mencari pekerjaan sa-
bagai satu perjuangan mengubah
chara hidup mereka. Kebanyak-
an kerja2 yang di-dapat mereka
di-bandar sa-lain dari buruh
kasar, ia-lah menjadi guru, peon,
pulis dan askar.



Ketua Kampung Pengkalan Batu, Haji Kamis bin Bangsu.

Perubahan penduduk2 kam-
pong itu telah jauh meninggalkan
kekolotan dan mereka sekarang
telah melangkah jauh ka-hadap-
an di-alam chara hidup yang
moden.

Beberapa orang murid dari
Sekolah Melayu Pengkalan Batu
yang layak telah di-hantar ka-
bandar untuk melanjutkan pela-
jaran mereka baik di-sekolah2
Inggeris mahupun di-sekolah2
menengah Melayu.

Mengenai penghidupan pula,
Haji Kamis menyatakan bahawa
mata pencharian kebanyakan
bagi penduduk2 di-kampung itu
ia-lah dari berchuchok tanam,
bersawah padi dan ternakan.

Di-samping itu ladang2 getah
juga ada-lah menjadi satu pusat
penting bagi mereka dalam mata
pencharian sa-hari2.

Di-tanya mengenai menanam
sa-mula getah yang telah di-sedia-
kan oleh Kerajaan, Haji Kamis
menyatakan bahawa anak2 buah-
nya telah juga turut mengambil
peluang yang baik itu.

Bagi membuka ladang2 getah
itu, mereka telah menerima ban-

tuan yang tertentu dari Kerajaan,
bukan hanya getah2 kahwin per-
chuma, tetapi mereka juga telah
di-beri bantuan kewangan yang
di-bahagikan kepada tiga per-
ingkat.

Peringkat pertama (memulakan
tanaman) sa-banyak \$200, per-
ingkat kedua \$150 dan peringkat
yang terakhir \$100.

TANAMAN GETAH

Menurut Haji Kamis lagi, ke-
mudahan2 yang lain juga saperti
baja dan rachun serangga dan
penyakit getah telah juga di-beri
oleh Kerajaan dengan perchuma.

Haji Kamis telah menyatakan
keshukoran-nya atas usaha2 yang
telah di-jalankan Kerajaan bagi
memberikan kemudahan2 dan
kesenangan untuk penduduk2 di-
kampung2 pendalaman saperti
yang ternyata di-lakukan di-
kampung-nya.

Di-lapangan hiburan pula,
rombongan wayang gambar dari
Jabatan Siaran Radio dan Pene-
rangan sering berkunjong ka-sana
menurut jadual yang telah di-
tetapkan.



Bangunan Sekolah Melayu Pengkalan Batu yang merupakan pusat
pendidikan bagi anak2 di-Kampung itu.

PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

DAN HUBONGAN-NYA DENGAN RA'AYAT

Oleh: Ibrahim Muhammad Said



Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

TENTU-LAH terbit persoalan mengapa-kah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lagi mengadakan Bulan Bahasa Kebangsaan seperti yang telah diadakan dalam tahun 1962.

Jawab-nya ia-lah kempen saumpama itu tidak lagi mustahak, kerana telah ternyata raayat dan penduduk negeri ini mendukung dan menhincitai Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang tunggal.

Oleh kerana itu, Kerajaan telah memberi arahan yang tegas kepada semua jabatan2 dan pusat2 perniagaan supaya semua urusan hari2 di-amalkan dengan menggunakan Bahasa Melayu.

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah mengeluarkan pekat2 atau poster2 yang merupakan suatu arahan langsung dalam seruan Kerajaan.

Lanekah tegas seperti ini dikuatkuasakan oleh Surat Keliling Setia Usaha Kerajaan bilangan 43/1963 bertarikh 17 Ogos, 1963.

Demikian juga maksud surat keliling Setia Usaha Kerajaan bilangan 52/1963 bertarikh 29 Oktober, 1963, dan berikutnya surat keliling bilangan 4/1963 telah di-keluarkan pada 27 January, 1965 dan baharu2 ini surat keliling bilangan 26/1965 yang bertarikh 1 Mei 1965.

Semua surat2 keliling itu adalah merupakan arahan kepada semua pejabat2 dan pusat2 perniagaan supaya menggunakan Bahasa Melayu dalam semua lapangan kerja di-negeri ini.

Sa-belum di-adakan pengasingan antara Jabatan Pelajaran dengan Bahagian Bahasa dan Pustaka, usaha2 untuk meninggikan taraf hidup raayat negeri ini telah di-selenggarakan dengan menumpukan tenaga kearah pemberantasan buta huruf bagi orang2 dewasa lelaki dan perempuan dan kelas2 pengajaran Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu.

Usaha2 itu telah mendapat sambutan dan telah merupakan suatu kejayaan yang besar arti-

nya dalam perkembangan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan negara.

Mulai dari 1 Januari, 1965 Bahagian Bahasa dan Pustaka sa-bagai suatu chawangan Jabatan Pelajaran telah di-asingkan menjadi sa-buah jabatan yang bersendirian yang nama-nya telah di-ubah menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengesahan hal ini terdapat dalam surat keliling Setia Usaha Kerajaan bilangan 7/1965 yang bertarikh 13 Februari, 1965.

Meskipun kelas2 pengajaran Bahasa Melayu bagi memberantas buta huruf dan Pengajaran Bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu tidak lagi merupakan tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi tanggungjawab Jabatan Pelajaran namun Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa menyumbangkan usaha-nya ka-arah perkembangan pengajaran dan perkembangan bahasa Melayu.

Sa-bagai sa-buah jabatan yang bertanggungjawab dalam perkembangan Bahasa Melayu di-negeri ini DBP akan terus bekerja dengan chara2 dan dasar2 yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan merupakan sa-buah kilang pengolah dan penapis bagi penggunaan Bahasa Melayu di-negeri ini. Ia-nya juga akan merupakan suatu mesin yang menggerakkan tenaga raksaksa untuk menjayakan maksud Kerajaan menjadikan Bahasa Melayu Bahasa Rasmi negara.

Namun demikian, keinsafan dari sa-genap lapisan masyarakat ada-lah besar arti-nya, kerana dengan tiada sokongan dan ker-

jasama ra'ayat akan mustahil bagi Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan segala tugas-nya seperti yang di-kehendaki oleh Kerajaan.

Oleh itu, jika ra'ayat dan penduduk negeri ini benar2 menumpukan ta'at setia mereka kepada negeri ini, usaha2 Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melaksanakan dasar Kerajaan itu harus-lah mendapat perhatian berat dari mereka.

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan penjelasan sikap di-atas akan sentiasa bersedia memberi bimbingan kepada siapa saja yang mempunyai hasrat untuk mempelajari, mengkaji dan memperkembangkan Bahasa Melayu di-negeri ini. Dewan Bahasa dan Pustaka akan mendorong usaha dari angkatan2 baru dalam lapangan karang mengarang dan sedia mempalawa mereka agar menyumbangkan tenaga bagi membangunkan sa-buah taman sastera tanah ayer.

kosongan yang terdapat di-negeri kita ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa sedia memberikan bimbingan kepada para penulis yang berkehendakkan bimbingan fikiran dan moral.

Sa-lain dari usaha2 di-atas, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga menggalakkan Ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada ra'ayat negeri ini. Usaha2 itu di-salurkan dengan mengadakan Khutubkhanah Umom bagi maksud tersebut.

Oleh kerana kesulitan tempat,



Orang2 perempuan dewasa dan tua juga di-beri peluang untuk mengikuti kelas dewasa. Gambar atas menunjukkan sa-orang pelajar sedang membaca pelajaran yang di-ajarkan dalam kelas itu.

Oleh itu, para penulis dan pengarang mesti-lah pula mengambil peluang ini dengan hati yang terbuka dengan fikiran yang jernih waras.


Kerana itu-lah satu dari dasar DBP untuk menggalakkan pengeluaran buku2 yang di-karang dan di-chipta oleh penulis2 negeri ini sendiri.

Jangan-lah salah sangka bahawa penulis buku2 hanya akan di-bolot oleh para pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri, malah DBP terus berusaha menyerukan kepada semua penulis2 dan pengarang2 di-negeri ini supaya menyumbangkan buah pena mereka untuk mengisi ke-

usaha itu akan dapat di-jalankan dalam jangka tidak berapa lama lagi sa-hingga bangunan baru yang menelan belanja 1 1/2 juta ringgit itu siap di-bena. Pada masa ini Dewan Bahasa mempunyai tempat sementara di-Jabatan Pelajaran.

Demikian-lah serba ringkas pengenalan Dewan Bahasa dan Pustaka dan sejarah ringkas-nya sejak di-tubuhkan. Pihak Dewan Bahasa sentiasa menerima pertanyaan2 dan kemuskilan2 ramai mengenai Bahasa Melayu dan pemakaian-nya di-negeri ini.

Hantar-lah pertanyaan2 terus kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Bandar Brunei.



Orang2 dewasa dan tua kelihatan dalam gambar ini sedang tekun mengikuti pelajaran dewasa yang waktu itu di-kelolakan oleh Bahagian Bahasa dan Pustaka.

DUNIA HARI INI: RUNDINGAN KEMERDEKAAN RHODESIA GAGAL IAN SMITH CHUBA GUNAKAN U.D.I.

ORANG2 kulit putih di-Rhodesia, nampaknya bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan yang tetap akan timbul, akibat kegagalan perundingan mengenai kemerdekaan Rhodesia di-London baharu2 ini, antara Perdana Menteri Ian Smith dengan Harold Wilson, Perdana Menteri British.

Kapada gulungan kulit putih, bulan October ini, merupakan bulan ujian hidup atau mati-nya perjuangan mereka, untuk mendapatkan kemerdekaan, kemerdekaan yang akan memberikan kuasa kepada 219,000 orang kulit putih ke-atas raya'at bumi putera yang berjumlah 4 juta orang.

Gulungan kulit putih pimpinan Ian Smith yang berkuasa di-Rhodesia sa-benar-nya bimbang kapada satu keputusan, yang akan membawa orang2 kulit hitam Afrika di-Rhodesia, mengambil alih pemerintahan yang boleh menjahanamkan keistimewaan2 dan meremokkan taraf kehidupan mereka, yang selama ini mendapat tempat di-atas sekali, terbit dari ada-nya dasar apartheid yang di-amalkan.

APARTHEID

Kemegahan orang2 kulit putih dapat di-bayangkan dengan adanya pemerintahan yang di-terajukan oleh Ian Smith. Ian Smith berhak membuat segala2nya di-Rhodesia, kerana dia menguasai jumlah kerusi terbanyak sekali dalam Dewan Parlemen. Sabanyak 65 buah kerusi dalam Dewan Parlemen, 50 di-kuasai oleh Ian Smith, dan hanya 10 sahaja untuk orang2 Afrika, yang sa-lama ini tidak terdaya membuat sa-suatu keputusan dalam dewan.

Oleh di-sebabkan Ian Smith memerintah, maka dasar apartheid, atau dasar membezakan2 warna kulit, ada-lah satu2-nya dasar besar, yang di-amalkan oleh orang2 kulit putih di-Rhodesia sekarang. Dasar apartheid menjadi rachun hidup gulungan kulit hitam Afrika, kerana perbezaan yang tidak kunjong hilang, selagi ia-nya menjadi ubat kapada Ian Smith. Oleh ini, Ian Smith tidak menchari jalan untuk melebehhkan kerusi kapada orang2 Afrika, kerana bimbang kan keistimewaan mereka tersekat, yang akhir-nya akan membawa orang2 kulit putih di-Rhodesia setaraf dengan kaum bumi putera, seperti yang di-tuntut oleh Afrika hari ini.

Sekarang Ian Smith gagal dalam rundingan-nya dengan kerajaan British mengenai kemerdekaan Rhodesia. Kebuntuan ini sa-memang-nya sudah pun di-rumuskan lebeh awal, itu-lah

sebab-nya Ian Smith tidak ragu2 memberikan kenyataan-nya sa-belum bertolak ka-London dari Salisbury, bahawa dia akan merampas kemerdekaan, jika rundingan gagal.

Ian Smith chuba merampas kemerdekaan Rhodesia dengan chara UDI. Udi yang berbunyi Unilateral Declaration of Independence, yang berma'ana Mengishtiarkan Kemerdekaan Sa-chara Bersendirian.

Kapada Britain, kemerdekaan chara UDI oleh Ian Smith itu di-sifatkan sa-bagai menderhaka dan melakukan pengkhianatan ka-atas 4 juta orang2 Afrika di-Rhodesia, apa tah lagi kapada orang2 Afrika sendiri terhadap UDI Ian Smith itu.

Baharu2 ini Ian Smith sendiri mengumumkan bahawa kemerdekaan itu akan di-chapai, menjelang hari raya Krismas, dengan apa jua jalan tidak-lah di-ketahui. Ian Smith memberikan jaminan kapada orang2 kulit putih tentang hasil baik yang akan di-chapai-nya, ia-itu berdasarkan kapada kekuatan pertahanan yang ada padanya sekarang. Dalam wilayah yang mungkin bergolak itu, Ian Smith

tembakau, gula dan lain2 hasil pertanian. Kemerosotan perusahaan akan menimbulkan tekanan2, yang mengakibatkan banyak yang menganggor dan keluar meninggalkan negeri. Sedangkan sekarang, ramai penduduk2 yang chuba mendapatkan paspot2 British keluar negeri.

Tetapi kapada Ian Smith, itu semua-nya tidak-lah akan memberikan kesan yang mendalam, kerana dia di-katakan chuba bergantong kapada bantuan dari negara2 sahabat seperti Afrika Selatan dan Portugal.

Hari ini sahaja, negara2 Pertubuhan Perpaduan Afrika telah membuat satu rangka ketetapan, untuk melaksanakan tindakan2 ekonomi, tentera dan sa-bagainya terhadap Ian Smith, sementara Ian Smith juga hingga hari ini, belum lagi membuat keputusan terhadap ketetapan Harold Wilson, mengenai kemerdekaan Rhodesia.

Bagaimana pula soal kedudukan orang2 Afrika, yang mempunyai bilangan majority di-Rhodesia itu. Menurut sa-tengah2 ramalan jika UDI dilaksanakan, ada kemungkinan berlakunya kekacauan, rusohan,

Oleh: Hanafi Joffri

mempunyai 3,500 orang tentera, 5,000 orang anggota polis dan enam squadron angkatan udara mengandongi kira2 1,000 orang, ka-semua-nya kulit putih. Ian Smith juga mempunyai keyakinan yang pasokan pertahanan-nya, dapat menghadapi sebarang kemungkinan yang akan timbul, dari reaksi dalam negeri.

Dengan jalan merampas kemerdekaan melalui UDI, Ian Smith berani memutuskan hubong "colony" dengan Britain, walau pun Britain di-katakan akan mengenakan sekatan2 ekonomi tindakkan diplomatik dan sebagai-nya yang dapat menindas kerajaan UDI, jika kekuatan tentera tidak dapat dipergunakan.

Sementara itu, tekanan2 dari dalam dan luar negeri tidak kurang banyak-nya, menentang Ian Smith dengan chara UDI-nya.

Kalangan perniagaan di-Rhodesia baharu2 ini telah mengingatkan kesan2 yang paling buruk, ka-atas kedudukan ekonomi, jika Ian Smith mengishtiarkan kemerdekaan bersendirian.

Kalangan perniagaan berpendapat, bahawa kemerdekaan saperti itu akan terus merosotkan kedudukan ekonomi, yang juga melibatkan perusahaan2 mereka, terutama sekali tentang barang2 expot-nya keluar negeri sa-perti

dan pertumpahan darah yang tidak sa-orang pun dapat meramalkan bila tammat-nya.

Peristiwa2 yang di-ramalkan mungkin berlaku itu, ada-lah berdasarkan kapada beberapa peristiwa yang sudah pun berlaku tidak lama dulu, antara orang2 kulit hitam dengan pehak Ian Smith.

Mithal-nya dalam bulan October tahun 1960, rusohan yang menyebabkan tujuh orang terbunuh dan lebeh dari 70 orang chedera, telah berlaku di-bandar Harare, kawasan kediaman orang2 Afrika

Kemudian dalam tahun 1961, rusohan berlaku di-bandar Bulawayo. Dalam tahun 1962, rusohan2 dan gerakan membakar juga berlaku. Kemudian dalam tahun 1964 pula, berlaku lagi keganasan yang mengakibatkan beratus2 orang Afrika ditangkap, di-penjara dan ada yang di-buang negeri, di-bawah kuat kuasa undang2 dharurat konon-nya.

Penangkapan dan pembuangan negeri ini, termasuk-lah tokoh2 politik bangsa Afrika, yang memperjuangkan kedudokkan kerana 4 juta ra'ayat Afrika Rhodesia.

Dengan ini sudah tentu-nya bantahan2 yang konkret dari mereka, sama sekali tidak berkesan, walau pun mungkin me-



Perdana Menteri British Harold Wilson yang tidak dapat menerima keputusan Perdana Menteri Rhodesia Ian Smith untuk mendapatkan kemerdekaan. Wilson chadangkan satu sidang ketua2 negara Commonwealth mengenai perkara itu di-Salisbury.

reka ini mendapat sokongan moral dari negara2 Perpaduan Ra'ayat Afrika, yang tidak lama dulu hampir2 berpechah.


Kemudian bagaimana pula pendapat terakhir Britain, dapat-kah ia-nya menggantungkan perlembagaan Rhodesia, untuk melumpuhkan gerakan UDI Ian Smith.

Tetapi Britain nampak-nya sedia bekerjasama dengan Amerika untuk menyekat ekonomi Rhodesia, supaya Ian Smith dengan chepat dapat tundok. Britain juga bersedia tidak akan mengitiraf paspot2 Rhodesia, dalam lain2 perkataan kapada Britain paspot2 Rhodesia tidak laku.

Tetapi menurut kalangan2 politik, kapada ra'ayat Afrika mungkin sekatan2 itu tidak kekal, memandangkan kapada kejadian2 di-Aden dan British Guiana yang di-jadikan tauladan atau contoh, kechuali yang melakukan UDI itu orang2 Afrika di-Rhodesia. Mereka yakin, Britain juga mungkin dengan segera menggantungkan perlembagaan di-Rhodesia. Ini-lah pendapat ra'ayat Afrika terhadap Britain yang hingga sekarang belum membuat tindakan yang wajar.

Tetapi kapada Britain, kalau-lah dapat segala2-nya mesti di-jalankan sechera terator dan adil, hinggakan baru2 ini Harold Wilson menchadangkan Ian Smith, supaya ketua2 negara Commonwealth di-hantarkan ka-Salisbury, untuk perundingan mengenai kemerdekaan Rhodesia. Oleh di-sebabkan Ian Smith belum lagi sanggup menjawab ketetapan Harold Wilson itu, banyak lagi keraguan2 telah timbul di-kalangan dalam dan luar negeri, apa tah lagi Ian Smith sedia melaksanakan ranchangan UDI-nya.

Dunia sudah chukop menderita dengan kerusohan, keganasan dan sebagai-nya yang menimbulkan ancaman kapada keamanan. Ia-nya chuba menyekat dari berlakunya keriohan di-Rhodesia yang boleh menambahkan kegentingan di-dunia. Tetapi kalau-lah kemerdekaan di-Rhodesia dapat di-chapai dengan jalan suara ramai, ia-itu kemerdekaan yang di-sejujui oleh seluruh negara, itu-lah sa molekul-nya chara yang di amalkan oleh faham demokrasi. Tetapi bagaimana pula dengan Ian Smith yang memerintah.



AWANG HAJI BAKAR

Pilehan Raya M.M.D. Brunei Kawasan Pengkalan Batu


PENGKALAN BATU - Dua orang chalun pilehan raya kechil kawasan Pengkalan Batu dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara telah mendaftarkan nama2 mereka di-pusat menamakan chalun di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu pada hari Sabtu 16 Oktober, 1965.

Mereka ia-lah Awang Haji Bakar bin Awang Hashim sa-orang saudagan dan Awang Silim bin Sapar, sa-orang petani.

Pilehan raya itu di-adakan di-sebabkan Awang Haji Baha bin Haji Kamis telah meletakkan jawatan sa-bagai wakil kawasan Pengkalan Batu dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara baru2 ini.

Pilehan raya bagi kawasan tersebut akan di-adakan pada hari Sabtu 13 November, 1965.

Kawasan Pengkalan Batu mempunyai sa-ramai 520 orang pengundi yang berdaftar.



AWANG SILIM

SHA'ER RAKIS DI-TERBITKAN OLEH D.B.P. SADIKIT HARI LAGI

BANDAR BRUNEI—"SHA'ER RAKIS", demikian-lah nama buku yang akan di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei sadikit hari lagi.

Buku itu ia-lah hasil karya Al-marhom Pengiran Shahbandar Mohammed Salleh ibni Al-marhom Pengiran Sharmayuda dan di-tulis dalam tahun 1845.

Buku tersebut di-susun dan di-kupas oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin

Udana Khatib Awang Haji Umar, ada-lah membayangkan ber-bagai2 hal-ehwal mengenai Negeri Brunei.

Berhubung dengan penerbitan buku itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil berkata bahawa buku itu sangat-lah menarik perhatian dan perlu di-bachakan oleh sa-genap lapisan masharakat.

Buku Sha'er Rakis itu ada-lah di-chetak khas, sa-bagai mengambil sempena perletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei kata beliau.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa buku Sha'er Rakis itu ada-lah di-sifatkan sa-bagai satu Sumbang Semangat untuk memper-kembangkan Bahasa Melayu yang telah "muram dan silau".

Buku itu akan di-jual kapada orang ramai sadikit hari lagi dengan harga dua ringgit sambilan.

Oleh kerana perchetakan-nya di-hadkan, pembeli2 buku itu ada-lah di-minta membuat perhubungan sa-berapa segera dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

PERADUAN BACHAAN AL-QURA'AN DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Peraduan Bachaan Al-Qura'an Peringkat Daerah Temburong akan di-adakan di-Bangar pada hari Sabtu 6 November, 1965.

Johan dan Naib Johan Baha-gian Lelaki Dewasa dan Perempuan Dewasa akan mewakili Daerah Temburong dalam Peraduan Bachaan Al-Qura'an Seluruh Negeri Brunei.

PERLAWANAN AKHIR SEPAK RAGA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Akhir Sepak Raga Jaring dan Sepak Raga Buatan akan di-langsungkan di-Gelanggang Tennis, Bandar Brunei pada jam 3-30 petang hari Ahad, 24 Oktober, 1965.

Perlawanan Sepak Raga itu di-adakan sa-bagai salah satu dari acara2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Peraduan Bachaan Al-Qura'an

(Dari Muka 1)

Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei di-mana sa-buah pentas khas akan di-bena.

Pada sa-belah malam pula, kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin dan tempat peraduan itu akan di-sinarkan dengan lampu2 elektrik yang berwarna-warni.

Sementara itu Peraduan Bachaan Al-Qura'an Peringkat2 Daerah akan di-adakan pada tarikh2 yang berikut:

Daerah Brunei dan Muara:

21 dan 22 November.

Daerah Belait:

20 November.

Daerah Tutong:

11 November.

Daerah Temburong:

6 November.

Peraduan Bachaan Al-Qura'an Daerah Tutong


TUTONG. — Peraduan Bachaan Al-Qura'an Peringkat Daerah Tutong akan di-adakan di-Pekarangan Masjid Pekan Tutong pada hari Khamis 11 November, 1965 mulai jam 3 petang.

Peraduan itu akan di-bahagi-kan kapada 14 kawasan. Dua orang dari tiap2 kawasan itu akan di-pilih mengambil bahagian dalam Peraduan Peringkat Daerah Tutong.

PENDAFTARAN PERSATUAN K.A.M.M. DI-BRUNEI DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Persatuan Kebajikan Anak2 Melayu Malaysia di-Brunei telah di-luluskan oleh Pendaftar Persekutuan2 Brunei baru2 ini.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa satu majlis Perjumpaan bagi merasmikan penubuhan persatuan tersebut akan di-langsungkan dalam bulan November hadapan.



Ini-lah satu daripada persembahan2 kenang-angann Perkahwinan Diraja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman baru2 ini. Persembahan ini ia-lah daripada orang2 yang menerima penchen2 dari Jabatan Penchen2 Negara Brunei, ia-itu merupakan sa-pasang anting2 berlian, sa-utas kalong mutiara dan sa-biji tipa perak.